

Model pendidikan awal siswazah perubatan AS

» PUGSOM dedah pelajar kepada persekitaran klinikal

Perdana University Graduate School of Medicine (PUGSOM) menawarkan model pendidikan awal siswazah perubatan (4 tahun) AS yang pertama di Malaysia. Salah satu ciri-ciri unik program ini adalah kursus Longitudinal Clerkship (LC) bagi tahun pertama dan kedua pelajar.

Ketika menjalani kursus LC, pelajar ditugaskan di klinik swasta secara mingguan selama setahun. Seorang pelajar dikhususkan kepada seorang doktor (preceptor) di setiap klinik. Pelajar berpeluang untuk membabitkan diri dengan pesakit dalam persekitaran klinikal dan dapat mengembangkan kemahiran klinikal mereka di bawah penyeliaan doktor berpengalaman.

Preceptor datang daripada pelbagai latar belakang berbeza seperti Pusat Jagaan Khas, Perubatan Keluarga, Terapi Cara Kerja dan Perubatan Dalaman. Doktor ini berpeluang membentuk bakal doktor dalam menghadapi pesakit secara menyeluruh. Apabila preceptor tidak dapat mengajar, pelajar berkenaan perlu melakukan aktiviti pasport di mana pelajar akan ditugaskan di klinik pakar seperti Optamologi, ENT, Perubatan Pemulihan dan sebagainya.

Dalam pendidikan awal siswazah perubatan, pelajar mendaftar dengan kelulusan ijazah berkaitan sains. Mereka ini pelajar yang matang, komited dan memiliki pengetahuan asas saintifik. Mereka mampu memulakan latihan kemahiran klinikal pada permulaan tahun pertama. Longitudinal Clerkship bermula dalam pertengahan tahun pertama program dan berterusan selama setahun. Pelajar lazimnya menjalani satu sesi klinikal setiap minggu bersama preceptor. Pelajar berkenaan dijangka membantu preceptor sekurang-kurangnya dengan seorang

pesakit dan melakukan sebahagian kerja klinikal seperti berjumpa pesakit lain bagi setiap sesi.

Tugasan di klinik preceptor
Sekolah perubatan ini mengiktiraf keperluan untuk memiliki pendekatan yang diseragamkan untuk memastikan hasil pembelajaran dicapai ketika kursus LC. Preceptor juga dijemput ke universiti dua kali setahun untuk mencambah fikiran dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kursus LC. Maklum balas rasmi dwitahunan diperoleh daripada pelajar dan preceptor digunakan untuk mengukur dan meneliti kursus LC sepanjang masa.

Sebagai tambahan bagi sesi tugasan di klinik preceptor, pelajar akan dikumpul semula di universiti setiap bulan untuk sesi bergabung. Ketika sesi ini, fakulti LC akan menggabungkan pelajar untuk berkongsi pengalaman klinikal mereka. Sesi ini turut digunakan untuk menggilap kemahiran klinikal dan mendedahkan mereka kepada aspek pemikiran klinikal. Maklum balas daripada pelajar dan



Pelajar PUGSOM ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

preceptor adalah sangat menggalakkan sejak kursus LC dijalankan.

Pengarah Longitudinal Clerkship, Profesor Madya Dr Jayakumar Gurusamy, adalah seorang ahli perubatan terapi cara kerja terlatih dari National University of Singapore. Beliau dibantu 30 orang preceptor, tambahan bagi ahli fakulti tempatan dan ahli fakulti PUGSOM terlatih dari Amerika Syarikat untuk berkongsi kemahiran dan pemikiran klinikal kepada pelajar.

Ahli perubatan di sektor swasta yang memiliki kebolehan melatih dan berkongsi ilmu berpeluang untuk menjadi preceptor.

Mereka adalah sebahagian daripada peneraju dan pendidik kumpulan doktor terawal negara yang dididik berasaskan model pendidikan perubatan AS.

Perdana Universiti ditubuhkan pada Februari 2011 sebagai satu projek di bawah Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhannya adalah sejajar dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara dalam usaha pembangunan modal insan kelas pertama.

Maklumat lanjut hubungi talian +603 8941 8646 atau faksimili +603 8941 7661 juga emel: enquiry@perdanauniversity.edu.my



PERDANA UNIVERSITY
BIASISWA*
untuk Program Perubatan Bertaraf Premium
SEPTEMBER 2014

*Separa Biasiswa, Tertakluk Kepada Terma dan Syarat



PERDANA UNIVERSITY GRADUATE SCHOOL OF MEDICINE (PUGSOM)

Doctor of Medicine (4+0) in collaboration with Johns Hopkins University School of Medicine in Baltimore, Maryland, USA

- Kriteria Kemasukan:
- Ijazah di dalam bidang sains dengan CGPA 3.3 atau setara dengannya
 - MUET Band 4 / IELTS 6.5 / TOEFL 600



PERDANA UNIVERSITY ROYAL COLLEGE OF SURGEONS in IRELAND (PU-RCSI)

Medical Degree Programme (5+0) in collaboration with the Royal College of Surgeons in Ireland

- Kriteria Kemasukan:
- STPM, IPU, Matriculation, UK A-Levels, UEC, IB, Asas di dalam bidang sains
 - MUET Band 4 / IELTS 6.5 / TOEFL 600

PERDANA UNIVERSITY SCHOOL OF OCCUPATIONAL THERAPY (PUScOT)

Bachelor of Science (Hons) in Occupational Therapy

- Kriteria Kemasukan:
- STPM, A-Levels, Matriculation, UEC, IB, Diploma di dalam terapi carakerja
 - IELTS 6.0 / TOEFL 550
 - (untuk pelajar antarabangsa sahaja)

PERDANA UNIVERSITY POSTGRADUATE DIPLOMA IN BIOINFORMATICS

First and only Postgraduate Diploma in Bioinformatics programme offered in Malaysia

- Kriteria Kemasukan:
- Ijazah Sarjana Muda Biologi, Sains Computer / IT atau ijazah yang berkaitan dengan CGPA 3.0 atau setara dengannya
 - IELTS 6.0 / TOEFL 600



Perdana University (PU) ditubuhkan pada Februari 2011 dan adalah projek di bawah Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri. Penubuhannya adalah selaras dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Nasional untuk pembangunan modal insan kelas pertama di Malaysia.

"Where the past and the future is present"

PERDANA UNIVERSITY
Block B and D1, MAEPS Building, MARDI Complex,
Jalan MAEPS Perdana, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia

1 300 88 8078
Telefon: +603 8941 8646 Faks: +603 8941 7661
Emel: enquiry@perdanauniversity.edu.my

<http://www.youtube.com/user/PERDANAUNIV>
www.perdanauniversity.edu.my